

Masjid sebagai pusat kecemerlangan

B.H. M/s 10 18.6.07

Pengurusan profesional rumah ibadah dapat jana sosioekonomi, ilmu ummah

Oleh Hasliza Hassan

PERHIMPUNAN selama lima hari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menjadi lokasi pertemuan 4,000 imam seluruh negara bagi menyertai Muzakarah Imam Peringkat Kebangsaan 2007 memberi kesedaran bahawa masjid boleh memangkin kelangsungan ekonomi umat Islam.

Selain menjadi tempat beribadat, masjid boleh menjadi hab menjana ekonomi umat Islam bersesuaian dengan pendekatan kontemporari dan strategik seperti membuka kedai runcit, busana Islam, kedai buku, kafe internet atau rumah sewa bagi menggalakkan umat Islam berniaga.

Masjid juga boleh meningkatkan fungsinya sebagai pusat kecemerlangan ilmu dengan bertindak sebagai universiti atau pusat kajian agama dalam bidang al-Quran dan hadis, selain menyediakan kuliah ilmiah dalam pelbagai cabang ilmu terutama bidang sains dan teknologi.

INTI PATI

- Muzakarah mengajak imam meningkatkan nilai tambah dalam penguasaan ilmu untuk melonjakkan imej imam.
- Pembabitan profesional dalam jawatankuasa masjid mampu menjadikan pengurusan masjid lebih proaktif.
- Pembentukan koperasi bagi menjana ekonomi kariah masjid mampu menyatukan komuniti umat Islam.

ketetapan sebulat suara 4,000 imam seluruh negara memang menarik dan cukup indah jika berjaya dicapai.

Namun apabila berpijak di bumi nyata, mahu tidak mahu perlu diakui semua itu hanya boleh dicapai dengan syarat masjid perlu merangka kegiatan sesuai serta bersedia melantik kalangan profesional untuk menganggotai jawatankuasa kariah masjid bagi memastikan matlamat tercapai.

Gabungan pemikiran profesional seperti pendidik, jurutera, doktor, peguam dan usahawan dalam jawatankuasa itu yang berganding baru dengan imam mampu menjadikan pengurusan masjid lebih proaktif bagi merealisasikan fungsinya.

Dengan wujudnya tenaga profesional, dapat membantu pengurusan mengendalikan masjid menerusi panduan dan nasihat kerana kepakaran dimiliki membolehkan mereka melihat apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan fungsi masjid.

Dalam usaha menjadikan masjid pusat khidmat komuniti, ia harus berfungsi se-

kecilan pada peringkat kariah.

Sebagai permulaan, pihak masjid boleh mendapatkan bantuan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) merangka bentuk koperasi yang sesuai dengan kegiatan sedia ada atau melihat kepada kesesuaian anggota kariah yang akan menjadi ahli koperasi itu nanti.

Turut menarik perhatian, cadangan peserta dari Perlis pada hari terakhir yang mungkin tidak sempat dikembangkan untuk dijadikan ketetapan muzakarah kali ini ialah mengehadkan umur imam serta melatih imam pelapis.

Alasannya, disebabkan umur yang agak lanjut serta keterbatasan ilmu pengetahuan dalam isu semasa, ada antara imam membaca teks khutbah Jumaat yang disediakan untuk mereka, tetapi tidak tahu apakah makna perkataan yang dibaca.

Ada kebenarannya usul itu kerana jika imam sendiri tidak faham apa yang disampaikan, bagaimana makmum hendak mendapat mesej yang jelas. Justeru, dengan

Sebagai tempat jemaah berkumpul, masjid berperanan menjadi pusat komuniti dan melangkah lebih berani, berfungsi sebagai pusat penjagaan kanak-kanak kurang upaya, pusat perlindungan remaja kurang bernasib baik, pusat kaunseling serta tempat rekreasi dan riadah yang dapat menarik minat generasi muda mencintai masjid.

Hasil daripada pembentangan kertas kerja serta maklum balas peserta, banyak usul diketengahkan dalam proses ingin melihat masjid sebagai satu pusat sehenti yang menawarkan pelbagai perkhidmatan.

Ia termasuk saranan Pensyarah Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Nik Kamal Wan Mohammad, supaya kerajaan menubuhkan Perbadanan Amanah Masjid Berhad mendapat reaksi positif peserta muzakarah dan masyarakat.

Beliau berkata, perbadanan yang mengumpul dan menjana sumber kewangan kira-kira 10,000 masjid serta surau di seluruh negara, mampu membantu kerajaan membasmi kemiskinan umat Islam, sekali gus membangunkan masjid sebagai pusat pembangunan ekonomi peringkat kariah.

Katanya, perbadanan itu selain bertanggungjawab sebagai pengumpul dana, juga boleh bertindak sebagai hab produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Cadangan meluaskan fungsi masjid itu antara ketetapan muzakarah, bertujuan meningkatkan fungsi masjid berdasarkan konsep Islam Hadhari.

Muzakarah anjuran bersama Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Sekretariat Islam Hadhari itu turut mengajak imam meningkatkan nilai tambah dalam penguasaan ilmu untuk melonjakkan imej imam sebagai tempat rujukan permasalahan agama dan pemimpin masyarakat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika berucap menutup Muzakarah Imam Peringkat Kebangsaan 2007 mengajak imam masjid di seluruh negara memulakan gerakan memelopori masjid sebagai institusi ummah yang relevan bagi mempertingkatkan martabat agama Islam.

Beliau berkata, imam bertanggungjawab menerajui gerakan mengimarahkan masjid sebagai tempat memupuk perpaduan, menjana ekonomi, pusat komuniti dan kecemerlangan ilmu serta pendidikan, sekali gus menjadi punca kekuatan dan kebangkitan umat Islam negara.

Hakikatnya, apa diusul dan ditetapkan pada muzakarah kali ini ditulis di atas kertas lengkap dengan pelan tindakan yang perlu diambil tindakan segera itu sebagai

bagai tempat beriadah secara beradab dan menelaah pelajaran, sekali gus memudahkan usaha membentuk akhlak remaja.

Umat Islam harus menitikberatkan aspek keindahan kawasan masjid dengan landskap menarik dan kemudahan asas mencukupi serta menjaga kebersihan. Pastinya, usaha ke arah itu memerlukan arkitek untuk menyusun atur supaya kedudukannya sesuai dan tidak mengganggu jemaah yang datang menunaikan solat.

Justeru, jangan ada imam yang rasa rendah hati atau tercabar dengan kehadiran golongan profesional sebaliknya bersedia menerima mereka dengan tujuan yang satu iaitu mengembangkan peranan masjid serta menjadikannya tumpuan umat Islam untuk pelbagai tujuan murni.

Selain itu, usul peserta seminar pada hari terakhir muzakarah supaya ditubuhkan koperasi bertujuan menjana ekonomi kariah masjid adalah cadangan perlu diberi perhatian pihak berkaitan.

Pembentukan koperasi jika dilaksanakan dengan betul mampu menyatukan kariah masjid di seluruh negara, seterusnya membentuk satu komuniti mampu menyelenggara masjid secara menyeluruh.

Jika rasa sukar untuk dilaksanakan pada peringkat kebangsaan, mungkin penubuhan koperasi boleh dimulakan secara kecil-

mengehadkan umur imam akan memberi peluang kepada imam pelapis muda menggalas tugas membimbing masyarakat.

Imam muda kebanyakannya memiliki ijazah dan itu kelebihan kepada institusi masjid apabila diterajui mereka berpengetahuan. Mereka juga berupaya melahirkan idea bagi meningkatkan fungsi masjid.

Bukan menidakkan sumbangan imam lama, tetapi alangkah baik jika setiap masjid dapat menggandingkan imam lama dan imam muda kerana kedua-duanya boleh menyumbang dengan cara lebih berkesan.

Imam lama sudah mendapat sokongan golongan tua masjid dan kehadiran imam muda bertujuan menarik minat generasi muda untuk mendekati masjid. Gandingan itu juga secara tidak langsung akan merapatkan jurang antara golongan tua dan muda menerusi kegiatan secara bersama.

Malangnya, jawatan imam tidak mempunyai pencen dan mungkin faktor itu menghalang hasrat mereka berhenti walaupun umur semakin meningkat, sebaliknya terus mengharap RM450 yang diterima setiap bulan bagi meneruskan kehidupan.

Justeru, sesuatu perlu dilakukan jika kerajaan mengharap imam sebagai ketua masjid memastikan fungsi masjid diperkembangkan dan tidak terbatas setakat mengimamkan solat atau memberi ceramah.